NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*


| Jil. 58<br>No. 12 | **9hb Jun 2005** | *TAMBAHAN No. 1*<br>*ENAKMEN* |
|---|---|---|


Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Selangor, pada 25 April 2005, adalah diisytiharkan untuk makluman umum:


| No. Enakmen | Tajuk ringkas | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Selangor) (Pindaan) 2005 | 1 |
| 2 | Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 2005 | 9 |
| 3 | Enakmen Perbadanan Taman Negeri Selangor 2005 | 21 |


The following Enactments passed by the Legislative Assembly, Selangor, on the 25 April 2005, are published for general information:


| Enactment No. | Short title | Page |
|---|---|---|
| 1 | Revision of Laws (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2005 | 5 |
| 2 | Selangor Agricultural Development Corporation (Amendment) Enactment 2005 | 15 |
| 3 | Selangor State Parks Corporation Enactment 2005 | 45 |

SELANGOR

# ENAKMEN No. 1 tahun 2005

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
*Sultan Selangor*

25 Mei 2005

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Selangor) 2003.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

## Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Selangor) (Pindaan) 2005.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

## Pindaan susunan seksyen

**2.** Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 7/2003*], yang disebut sebagai "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 3 susunan seksyen bagi teks Bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "Committee" dengan perkataan "Commissioner".

**Pindaan seksyen 2**

**3.** Seksyen 2 Enakmen ibu dipinda dengan memotong tafsiran bagi perkataan "Jawatankuasa".

**Pindaan seksyen 3**

**4.** Seksyen 3 Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dengan memasukkan selepas perkataan "melantik" perkataan "Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor sebagai"; dan

*(b)* dengan memotong selepas perkataan "melantik" perkataan "seorang" dan perkataan "dan Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang".

**Pindaan seksyen 4**

**5.** Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 4.

**Pindaan seksyen 6**

**6.** Seksyen 6(1) Enakmen ibu dipinda—

*(a)* dalam subperenggan (i)(*k*), dengan menggantikan proviso dengan yang berikut:

> "Dengan syarat bahawa kuasa yang diberikan oleh perenggan ini hanya boleh dilaksanakan setelah berunding dengan Peguam Negara."

*(b)* dengan memotong perkataan perenggan (v);

*(c)* dalam subperenggan (xvii), dengan memasukkan selepas perkataan "Persekutuan" perkataan "dan Negeri Selangor"; dan

*(d)* dalam subperenggan (xviii) dengan memotong perkataan "atau mana-mana bahagian Komanwel" dan memasukkan tanda ";" selepas perkataan "bahagiannya".

**Pindaan seksyen 7**

**7.** Subperenggan 7(i)*(a)* Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Undang-undang" perkataan "Negeri".

**Pindaan seksyen 8**

**8.** Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 8.

**Pindaan seksyen 9**

**9.** Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 9.

**Pindaan seksyen 10**

**10.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 10(1) dengan subseksyen yang berikut:

> "(1) Suatu Undang-undang yang telah disemak hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah berkuat kuasa mulai tarikh yang dirujuk dalam subperenggan 7(i)*(d*).

**Pindaan seksyen 13**

**11.** Subseksyen 13(2) Enakmen ibu dipinda dengan memotong selepas perkataan "disemak" perkataan ", tetapi bukan peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pemeriksaan oleh Jawatankuasa,".

**Pindaan seksyen 14**

**12.** Subseksyen 14(2) teks Bahasa Inggeris Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan perkataan "of" selepas perkataan "(xxb)".

**Pindaan seksyen 17**

**13.** Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 17.

**Pindaan seksyen 18**

**14.** Subseksyen 18(1) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan “, yang dibuat mengenai sesuatu Enakmen selepas merujukkannya kepada Jawatankuasa,”.

Diluluskan pada 25 April 2005
[P.U. Sel. Am 0257]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Selangor*

**SELANGOR**

# ENACTMENT No. 1 of 2005

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
*Sultan of Selangor*

25 May 2005

An Enactment to amend the Revision of Laws (State of Selangor) Enactment 2003.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Revision of Laws (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2005.

(2) This Enactment comes into operation on the date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

**Amendment of arrangement of sections**

**2.** The Revision of Laws (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 7/2003*], which is referred to as the "principal Enactment" in this Enactment, is amended in section 3 of the arrangement of sections in the English text by substituting for the word "Committee", the word "Commissioner".

**Amendment of section 2**

**3.** Section 2 of the principal Enactment is amended by deleting the definition of "committee".

**Amendment of section 3**

**4.** Section 3 of the principal Enactment is amended—

*(a)* by inserting after the word "appoint" the words "the State Legal Advisor as the"; and

*(b)* by deleting after the word "appoint" the word "a" and the words "and a Deputy Commissioner of Law Revision".

**Amendment of section 4**

**5.** The principal Enactment is amended by deleting section 4.

**Amendment of section 6**

**6.** Subsection 6(1) of the principal Enactment is amended—

*(a)* in subparagraph (i)(*k*), by substituting for the proviso with the following:

"Provided that the powers contained in this paragraph shall not be exercised except after consultation with the Attorney General;

*(b)* by deleting paragraph (v);

*(c)* in subparagraph (xvii), by inserting after the words "the Federation" the words "and the State of Selangor";

*(d)* in subparagraph (xviii), by deleting after the words "any part thereof" the words "or any part of the Commonwealth"; and

*(e)* in subparagraph (xviii) by inserting after the word "thereof" a semi colon.

**Amendment of section 7**

**7.** Subparagraph 7(i)(*a*) of the principal Enactment is amended by inserting after the words "Laws of" the words "the State of".

**Amendment of section 8**

**8.** The principal Enactment is amended by deleting section 8.

**Amendment of section 9**

**9.** The principal Enactment is amended by deleting section 9.

**Amendment of section 10**

**10.** Section 10 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (1) the following subsection:

"(1) A revised law shall be published in the *Gazette* and shall come into force as from the date referred to in subparagraph 7(i)(*d*).

**Amendment of section 13**

**11.** Subsection 13(2) of the principal Enactment is amended by deleting the words ", but not the provisions relating to examination by the Committee,".

**Amendment of section 14**

**12.** Subsection 14(2) of the principal Enactment is amended by inserting after the word "(xxb)" the word "of".

**Amendment of section 17**

**13.** The principal Enactment is amended by deleting section 17.

**Amendment of section 18**

**14.** Subsection 18(1) of the principal Enactment is amended by deleting the words ", made in the case of an Enactment after reference to the Committee,".

Passed this 25 April 2005
[P.U. Sel. Am 0257]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Clerk of the Legislative Assembly,*
*Selangor*

**SELANGOR**

**ENAKMEN No. 2 tahun 2005**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
*Sultan Selangor*

25 Mei 2005

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor 1972.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan mula kuat kuasa**

**1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 2005.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 3**

**2.** Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor 1972 [*Enakmen No. 12/1972*], yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen

ini, dipinda dalam seksyen 3 dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

*(a)* seorang Pengerusi yang hendaklah pada masa itu memegang jawatan Menteri Besar Negeri Selangor;

*(b)* seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah pada masa itu memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;

*(c)* dua orang ahli ex-officio yang hendaklah pada masa itu memegang jawatan Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor;

*(d)* tidak lebih dari lima orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar daripada mana-mana orang yang telah menunjukkan kebolehan dan mempunyai pengetahuan dalam perkara yang berhubung dengan pertanian, pemasaran kewangan, pentadbiran, penyelidikan, pembangunan hartanah, pembuatan atau dengan cara lain sesuai untuk pelantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka; dan

*(e)* tiga orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Perdana Menteri atau mana-mana Menteri yang dinamakan olehnya.".

**Pindaan seksyen 9**

**3.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen yang berikut:

"Meterai Perbadanan.

9. (1) Meterai Perbadanan hendaklah mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Meterai Perbadanan hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan sama ada oleh Pengerusi dan ahli atau mana-mana pegawai Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai Perbadanan itu dan yang disahkan mengikut subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Meterai Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.”.

**Pindaan seksyen 11**

**4.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

“Perwakilan kuasa dan tugas Perbadanan.

11. (1) Perbadanan boleh mewakilkan mana-mana kuasa atau tugasnya kepada mana-mana ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan sebagaimana yang disifatkan perlu atau wajar.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan hendaklah mengandungi tidak kurang dari dua orang ahli Perbadanan untuk membolehkannya menerima apa-apa perwakilan kuasa atau tugas.

(3) Apa-apa kuasa atau tugas yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

*(a)* bolehlah diwakilkan sedemikian tertakluk kepada mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang diperbuat di bawahnya; dan

*(b)* hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khusus oleh Perbadanan.

(4) Suatu ketetapan yang dibuat oleh Perbadanan untuk mewakilkan apa-apa kuasa atau mana-mana tugasnya hendaklah menjadi tidak sah melainkan telah mendapat persetujuan daripada tidak kurang dari separuh ahli Perbadanan melalui undi.

(5) Perbadanan boleh membatalkan atau membuat apa-apa ubah suaian terhadap mana-mana perwakilan kuasa atau tugas sekiranya ia berpendapat adalah perlu atau wajar.”.

**Seksyen baru 11A**

**5.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

“Perwakilan kuasa dan tugas oleh Pengerusi.

11A. (1) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengerusi boleh untuk mewakilkan mana-mana kuasanya dengan cara bertulis kepada mana-mana ahli, pegawai atau kakitangan Perbadanan untuk menjalankan mana-mana kuasa atau tugasnya sebagaimana yang sifatkan perlu atau wajar.

(2) Suatu perwakilan kuasa yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khusus oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi boleh membatalkan atau membuat apa-apa ubah suaian terhadap mana-mana perwakilan kuasa sekiranya ia berpendapat adalah perlu atau wajar.”.

**Pindaan seksyen 12**

**6.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 12 dengan seksyen yang berikut:

“Tugas Perbadanan.

12. (1) Tugas Perbadanan adalah—

*(a)* untuk menggalakkan perusahaan atau pembangunan pertanian di dalam dan luar Negeri Selangor;

(b) untuk menjalankan segala aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi maksud membantu mana-mana orang, syarikat atau agensi dalam Negeri Selangor dan menggalakkan apa-apa perusahaan atau pembangunan pertanian di dalam dan luar Negeri Selangor;

(c) untuk menggalak, merangsang, melengkap dan menjalankan segala aktiviti berasaskan pertanian dan pembangunan pertanian serta pembangunan hartanah di dalam dan luar Negeri Selangor;

(d) untuk melakukan apa-apa perkara atau benda yang mustahak bagi menjalankan semua atau mana-mana kuasa Perbadanan;

(e) untuk melaksanakan apa-apa tugas atau aktiviti yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan pertanian dan pembangunan pertanian;

(f) untuk apa-apa tugas mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan;

(g) untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana tugasnya.

(2) Bagi maksud perenggan 1*(a)* dan *(b)*, perusahaan atau pembangunan pertanian hendaklah termasuk memproses dan memasarkan apa-apa hasil pertanian.”.

**Pindaan seksyen 13**

**7.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa-kuasa am Perbadanan.

13. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan perlaksanaan tugas-tugasnya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa—

*(a)* untuk memperoleh, memajak, mengambil, menukar, membeli dan memiliki tanah, bangunan dan lain-lain harta tak alih;

*(b)* untuk mendirikan rumah, pejabat dan apa-apa bangunan bagi maksud Perbadanan;

*(c)* untuk membeli, menukar dan membahagi, menyimpan, memproses, memindah milik atau menjual apa-apa keluaran pertanian dan keluaran sampingannya;

*(d)* untuk membeli, menyimpan, memproses, memindah milik, menyewa dan/atau menjual benih, baja, jentera dan segala alat kelengkapan pertanian;

*(e)* untuk menjalankan kerja menyediakan tapak untuk perusahaan atau pembangunan pertanian;

*(f)* untuk memasuki apa-apa kontrak atau melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang dikehendaki dan patut bagi maksud Enakmen ini;

*(g)* untuk menjalankan apa-apa kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang dilanjutkan kepadanya dari semasa ke semasa;

*(h)* untuk menjalankan segala aktiviti yang berhubung kait dengan pertanian termasuk pengeluaran produk makanan, pelancongan dan pembangunan hartanah; dan

*(i)* untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana tugas dan kuasanya.”.

Diluluskan pada 25 April 2005
[P.U. Sel. 394/A/0028/03]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Setiausaha,*
*Dewan Undangan Negeri,*
*Selangor*

**SELANGOR**

# ENACTMENT No. 2 of 2005

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
*Sultan of Selangor*

25 May 2005

An Enactment to amend the Selangor Agricultural Development Corporation Enactment 1972.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Selangor Agricultural Development Corporation (Amendment) Enactment 2005.

(2) This Enactment comes into operation on the date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

**Amendment of section 3**

**2.** The Selangor Agricultural Development Corporation Enactment 1972 [*Enactment No. 12/1972*], which is referred to as the "principal Enactment" in this Enactment, is amended in section 3 by substituting for subsection (2) the following subsection:

"(2) The Corporation shall consist of the following members:

*(a)* a Chairman who shall be the person for the time being holding the office of Menteri Besar of Selangor;

*(b)* a Deputy Chairman who shall be the person for the time being holding the office of the State Secretary of Selangor;

*(c)* two ex-officio members who shall be the person for the time being holding the office of the State Financial Officer and the Director of Land and Mines of Selangor;

*(d)* not more than five members who shall be appointed by the Menteri Besar among any person who has shown the ability and who possess relevant knowledge in agricultural, financial marketing, administration, research, property development, production or in any other manner suitable to be appointed based on the experience and special knowledge that they possess;

*(e)* three representatives of the Federal Government appointed by the Prime Minister or any Minister named by him.”.

**Amendment of section 9**

**3.** The principal Enactment is amended by substituting for section 9 the following section:

“Common seal.

9. (1) The common seal of the Corporation shall bear such device as the Corporation may approve and such seal may, from time to time, be broken, changed, altered and made anew as the Corporation thinks fit.

(2) The common seal shall be kept in the custody of the Chairman and shall be authenticated by either the Chairman or member or by any officer authorized by the Corporation in writing.

(3) All deeds, documents and other documents purporting to be sealed with the common seal and authenticated in accordance with subsection (2) shall, until the contrary is proved, be deemed to have been validly executed.

(4) The common seal of the Corporation shall be officially and judicially noticed.”.

**Amendment of section 11**

**4.** The principal Enactment is amended by substituting for section 11 the following section:

"Delegation of the Corporation's power and duties.

11. (1) The Corporation may delegate any of its power or duties to any member, officer or staff of the Corporation or to any committee established by the Corporation as it may deem necessary or desirable.

(2) Any committee established by the Corporation shall consist of not less than two of its members to be fit to be delegated with any power or duties.

(3) Any power or duties delegated under this section—

*(a)* may be so delegated subject to any provision of this Enactment or any rules made thereunder; and

*(b)* shall be subjected to such conditions or restrictions as the Corporation may either generally or specifically impose.

(4) Any resolution made by the Corporation to delegate any power or duties shall not be valid unless approved by not less than half of its members by vote.

(5) The Corporation may rescind or alter any delegation of power or duties made if it deems necessary or desirable.".

**New section 11A**

**5.** The principal Enactment is amended by inserting after section 11 the following section:

"Delegation of power and duties by Chairman.

11A. (1) Subject to any provision of this Enactment and any rules made thereunder, the Chairman may delegate any of his power in writing to any member, officer or staff of the Corporation to exercise any power or duties as he deems necessary or desirable.

(2) Any delegation made under subsection (1) shall be subjected to such conditions or restrictions as the Chairman may generally or specifically impose.

(3) The Chairman may rescind or alter any delegation of power or duties made if he deems it necessary or desirable.”.

**Amendment of section 12**

**6.** The principal Enactment is amended by substituting for section 12 the following section:

“Duties of the Corporation.

12. (1) The duties of the Corporation shall be—

*(a)* to encourage the industry or agricultural development inside and outside of the State of Selangor;

*(b)* to carry out all activities either directly or indirectly to assist any person, company or agency within or out of the State of Selangor and to encourage any agricultural industry or development within and out of the State of Selangor;

*(c)* to encourage, stimulate, complete and carry out all agricultural based activities and agricultural and estate development within and out of the State of Selangor;

*(d)* to do any thing of importance to carry out all or any of the Corporation’s powers;

*(e)* to carry out any duties or activities directed by the Federal Government in relation to agriculture and agricultural development;

*(f)* to administer and to pay out monies as shall be required by the State or Federal Government; and

*(g)* to do anything incidental to any of its power and duties.

(2) For the purposes of paragraph 1*(a)* and *(b)*, agricultural industry or development shall include the processing and marketing of any agricultural product.".

**Amendment of section 13**

**7.** The principal Enactment is amended by substituting for section 13 the following section:

"General powers of the Corporation.

13. (1) The Corporation shall have the power to do all things necessary or expedient for or in connection with the performance of its duties.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the powers of the Corporation shall include the power—

*(a)* to obtain, lease, acquire, change, buy and own land, building and other immovable property;

*(b)* to build houses, offices and any building for the purposes of the Corporation;

*(c)* to buy, change and divide, keep, process, transfer or sell any agricultural product and by-products;

*(d)* to buy, keep, process, transfer, lease and or sell seed, fertilizer, machines and any other agricultural equipment;

*(e)* to carry out the works for the preparation of agricultural industry and development site;

*(f)* to enter into any contract or to do any act or thing required and necessary for the purposes of this Enactment;

*(g)* to carry out any powers of the Federal Government such as extended from time to time to it;

*(h)* to carry out all activities related to agricultural including production of food, tourism and property development; and

*(i)* to do any thing incidental to any of its duties and powers.”.

Passed this 25 April 2005
[P.U. Sel. 394/A/0028/03]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Clerk of the Legislative Assembly,*
*Selangor*

# ENAKMEN PERBADANAN TAMAN NEGERI SELANGOR 2005

## SUSUNAN SEKSYEN

### Bahagian I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran

### Bahagian II

PENUBUHAN TAMAN NEGERI

3. Penubuhan Taman-taman Negeri
4. Tujuan penubuhan Taman-taman Negeri
5. Menduduki tanah dalam kawasan Taman Negeri

### Bahagian III

PERBADANAN

6. Penubuhan Perbadanan Taman Negeri Selangor
7. Keanggotaan Perbadanan
8. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Teknikal
9. Meterai Perbadanan
10. Fungsi-fungsi Perbadanan
11. Kuasa-kuasa Perbadanan
12. Tugas dan kuasa tambahan bagi Perbadanan
13. Perwakilan Kuasa Perbadanan
14. Kuasa untuk mengambil bekerja agen-agen
15. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
16. Pengkhidmat Awam

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

Seksyen

17. Pelantikan Pengarah Taman Negeri Selangor dan lain-lain pegawai dan penjawat Perbadanan
18. Kewajipan-kewajipan Pengarah Taman Negeri Selangor
19. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat

BAHAGIAN V

KEWANGAN

20. Penubuhan Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor
21. Perbelanjaan hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor
22. Kuasa meminjam
23. Pelaburan Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor
24. Akaun Bank
25. Akaun, rekod dan audit
26. Anggaran

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

27. Pengecualian daripada duti setem
28. Kuasa untuk membuat peraturan
29. Penalti
30. Kuasa untuk menyita serta menangkap, dsb.
31. Jualan barang berjenis mudah rosak
32. Memulangkan sementara barang yang disita
33. Perlucuthakkan barang yang disita
34. Penyitaan dan pelucuthakkan kenderaan, dsbnya.
35. Tiada kos, ganti rugi, dsb., atas penyitaan
36. Kuasa untuk mendakwa
37. Bidang kuasa Mahkamah Rendah
38. Enakmen tidak akan mengurangkan kuasa Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972

JADUAL

**SELANGOR**

# ENAKMEN No. 3 tahun 2005

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
*Sultan Selangor*

25 Mei 2005

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan sistem pengawalan Taman-taman Negeri termasuklah pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber asli dan hidupan liar dan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

### Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

**1.** Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Taman Negeri Selangor 2005 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### Tafsiran

**2.** Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

"Ahli" ertinya ahli yang dilantik di bawah seksyen 7;

"Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 20;

"Negeri" ertinya Negeri Selangor;

"Pegawai" ertinya Pengarah Taman Negeri Selangor, mana-mana pegawai atau pengkhidmat lain yang dilantik di bawah seksyen 17;

"Pengarah Taman Negeri Selangor" ertinya Pengarah Taman Negeri Selangor yang dilantik oleh Perbadanan di bawah seksyen 17;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 7;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

"Taman Laut" ertinya Taman Laut yang ditubuhkan di bawah Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*];

"Taman Negeri" ertinya sesuatu Taman Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 dan termasuklah kawasan yang dikelilingi oleh Taman Laut seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

## BAHAGIAN II

## PENUBUHAN TAMAN NEGERI

### Penubuhan Taman-taman Negeri

**3.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh merizabkan mana-mana tanah Negeri bagi maksud sesuatu Taman Negeri di bawah suatu nama yang akan diberi kepadanya.

(2) Kawasan yang dirizabkan sedemikian hendaklah diletakkan di bawah pengurusan suatu Perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 6.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa yang difikirkan patut membatalkan atau mengubah perizaban sesuatu kawasan atau sebahagiannya sebagai suatu Taman Negeri.

(4) Apa-apa perizaban tanah di bawah seksyen ini hendaklah diberitahu dalam *Warta* dan pemberitahuan ini hendaklah—

*(a)* memperihalkan tanah rizab itu;

*(b)* menetapkan pihak berkuasa yang mempunyai kuasa mengawal tanah yang dirizabkan sedemikian itu;

*(c)* menjadi keterangan muktamad bahawa tanah yang diperihalkan sedemikian itu adalah dirizabkan bagi maksud Enakmen ini.

(5) Bagi maksud pengurusan dan pentadbiran Taman Negeri yang dikelilingi oleh Taman Laut Perbadanan boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri menurunkan kuasa kepada Ketua Pengarah Perikanan yang bertanggungjawab terhadap Taman Laut yang ditubuhkan di bawah Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*] untuk mengawas dan mentadbirkannya.

(6) Bagi maksud subseksyen (1), semua perizaban yang dibuat hendaklah, dengan seberapa segara yang boleh selepas diwartakan, dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri.

**Tujuan penubuhan Taman-taman Negeri**

**4.** Tujuan penubuhan Taman-taman Negeri ialah untuk memelihara dan memperlindungi hidupan liar, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah dan etnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai.

**Menduduki tanah dalam kawasan Taman Negeri**

**5.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh memajakkan atau membenarkan supaya diguna atau diduduki mana-mana tanah dalam kawasan sesuatu Taman Negeri tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan dan bagi mana-mana daripada maksud-maksud yang berikut sahaja—

*(a)* pembinaan dan penyelenggaraan jalan;

*(b)* pembinaan dan penyelenggaraan lapangan terbang kecil;

*(c)* pembinaan dan penyelenggaraan hotel, rumah rehat, rumah kediaman, bangunan dan kerja-kerja kegunaan awam,

jika Pihak Berkuasa Negeri memikirkan mana-mana daripada maksud-maksud itu sebagai perlu dan demi kepentingan kemajuan Taman Negeri itu menurut tujuan yang disebut dalam seksyen 4.

(2) Mana-mana tanah yang dipajakkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana tanah yang berkenaan dengannya sesuatu kegunaan atau pendudukan telah dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (1) hendaklah terus menjadi sebahagian daripada Taman Negeri itu dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya kecuali setakat mana yang ditetapkan dalam apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen (1).

(3) Tertakluk kepada Enakmen ini, apa-apa pajakan atau permit untuk mengguna atau menduduki tanah di bawah seksyen ini hendaklah dikeluarkan, menurut Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*].

(4) Kecuali menurut kuasa apa-apa hak yang diberi oleh atau diperoleh di bawah atau berkenaan dengan mana-mana pajakan atau permit di bawah subseksyen (1) atau sebagaimana yang selainnya diperuntukkan dalam Enakmen ini, tiada seorang pun selain seorang pegawai boleh mendiami, memasuki, mengguna atau menduduki mana-mana tanah dalam tanah dan yang menjadi sebahagian daripada sesuatu Taman Negeri tanpa kebenaran Perbadanan.

## BAHAGIAN III

## PERBADANAN

### Penubuhan Perbadanan Taman Negeri Selangor

**6.** Maka hendaklah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Perbadanan Taman Negeri Selangor" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai am, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud

Enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan membuat apa-apa perkara bersamping dengan atau berhubung dengan sesuatu pertubuhan perbadanan.

**Keanggotaan Perbadanan**

**7.** (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut—

*(a)* seorang Pengerusi yang ianya hendaklah orang yang pada masa itu memegang jawatan Menteri Besar Selangor;

*(b)* seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;

*(c)* enam orang ahli *ex-officio* dan mereka itu hendaklah orang-orang yang pada masa itu memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, jawatan Penasihat Undang-Undang Negeri, jawatan Pegawai Kewangan Negeri, jawatan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, jawatan Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan jawatan Pengarah Perhutanan Negeri;

*(d)* seorang wakil daripada Jawatankuasa Penasihat Teknikal yang ditubuh di bawah seksyen 8 Enakmen ini;

*(e)* tidak lebih daripada enam orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Seseorang ahli selain yang disebut dalam perenggan-perenggan (*a*), (*b*), (*c*) dan (*d*) dalam subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau sebagaimana yang ditetapkan dalam surat pelantikannya dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat bertulis yang ditandatangani dan dialamatkan kepada Menteri Besar Selangor.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa membatalkan jawatan mana-mana ahli selain ahli yang dilantik kerana jawatannya tanpa memberi apa-apa sebab.

(4) Sesuatu kekosongan boleh dipenuhi oleh sesiapa jua yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua tindakan atau langkah-langkah Perbadanan boleh menjadi tidak sah atau menyalahi undang-undang hanya oleh sebab sesuatu kekosongan semasa tindakan atau langkah-langkah pembicaraan itu diambil oleh Perbadanan.

(5) Ahli-ahli boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(6) Peruntukan-peruntukan Jadual adalah terpakai bagi Perbadanan.

**Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Teknikal**

**8.** Perbadanan hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat Teknikal yang dianggotai oleh ahli-ahli yang pakar dan berpengalaman dalam bidang-bidang berkenaan bagi menasihati Perbadanan bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi Perbadanan dengan lebih baik dan berkesan.

**Meterai Perbadanan**

**9.** (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai am dan meterai itu boleh, dari semasa ke semasa dipecah, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana difikirkan patut;

Dengan syarat bahawa sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap mengandungi perkataan “Perbadanan Taman Negeri Selangor” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai am.

(2) Semua surat ikatan, dokuman dan lain-lain surat cara yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeteraikan dengan sewajarnya di hadapan Pengerusi atau mana-mana ahli Perbadanan yang diberi kuasa oleh Perbadanan yang mana hendaklah menandatangani tiap-tiap surat ikatan, dokumen atau surat cara yang dicap dengan meterai itu; dan penandatangan itu tanpa diakusaksikan selanjutnya adalah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai itu telah dicap dengan sewajar dan sempurna dan bahawa meterai itu adalah meterai Perbadanan yang sah.

(3) Sesuatu surat ikatan, dokumen atau lain-lain surat cara yang jika dilaksanakan oleh seseorang yang bukan pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki menggunakan meterai boleh dengan cara yang sama disempurnakan oleh Perbadanan; dan surat ikatan, dokumen dan surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat Perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Fungsi-fungsi Perbadanan**

**10.** Fungsi-fungsi Perbadanan adalah—

*(a)* untuk mewujudkan taman-taman semulajadi yang berpotensi sebagai Taman Negeri dan memaksimakan faedah-faedah daripadanya sesuai dengan konsep pelbagai guna;

*(b)* untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara-perkara berhubung dengan pemeliharaan, penggunaan, pengawalan, pengurusan dan kemajuan Taman-taman Negeri dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dirujuk kepadanya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri;

*(c)* untuk memulakan, menyelaraskan dan mengawal aktiviti-aktiviti Taman Negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini;

*(d)* untuk memperkenalkan Negeri Selangor Darul Ehsan sebagai Negeri yang kaya dengan sumber asli dan sebagai pusat tarikan pelancong;

*(e)* untuk menjaga dan mengekalkan alam semulajadi mengikut satu sistem pengurusan secara bertaraf antarabangsa; dan

*(f)* untuk mengurus dan menyelenggarakan Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor yang ditubuh di bawah Enakmen ini.

**Kuasa-kuasa Perbadanan**

**11.** Perbadanan adalah mempunyai kuasa—

*(a)* untuk membuat kajian, penyelidikan dan pemeriksaan ke atas Taman-taman Negeri dan memberi perkhidmatan dan kemudahan yang cukup dan cekap bagi tujuan pemeliharaan yang baik;

*(b)* untuk mengambil langkah-langkah yang memastikan keselamatan dan kesejahteraan hidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan dalam sesebuah Taman Negeri berada dalam pemeliharaan ciri asalnya dan semulajadi;

*(c)* untuk menerima derma, pemberian, penerimaan harta alih atau harta tak alih daripada mana-mana punca dan mendapatkan kewangan dengan cara yang sah;

*(d)* untuk menyumbang dengan cara pemberian atau pinjaman terhadap perbelanjaan yang dikena atau yang akan dikenakan bagi pembaikan dan pemeliharaan Taman-taman Negeri yang ditubuh di bawah Enakmen ini;

*(e)* untuk mengkhaskan mana-mana bahagian sesebuah Taman Negeri sebagai tempat membiak bagi haiwan dan sebagai tempat semaian bagi tumbuh-tumbuhan;

*(f)* untuk menyediakan tempat penginapan, kemudahan dan perkhidmatan di dalam Taman-taman Negeri bagi tujuan tarikan kepada pelancong dengan tidak menyentuh penjagaan, kawalan dan pengurusan dengan sepatutnya; dan

*(g)* untuk mengatur dan mengawal kemasukan orang awam ke Taman-taman Negeri dan mengenakan fi bagi kemasukan dan penggunaan kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan.

**Tugas dan kuasa tambahan bagi Perbadanan**

**12.** Walau apa pun peruntukan seksyen 11, Perbadanan boleh mengaku janji apa-apa fungsi dan tugas lain dan mentadbirkan dan membelanjakan wang untuk apa-apa maksud sebagaimana Pihak Berkuasa Negeri menyerahhak kepadanya dan dalam berbuat demikian Perbadanan hendaklah disifatkan sebagai telah memenuhi

maksud-maksud Enakmen ini dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini adalah terpakai bagi Perbadanan berkenaan dengan fungsi dan kuasa dan berkenaan dengan pentadbiran dan perbelanjaan wang itu;

Dengan syarat sentiasanya bahawa wang itu dan akaun-akaunnya hendaklah disimpan berasingan dan berlainan dari akaun-akaun Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor.

**Perwakilan Kuasa Perbadanan**

**13.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkan patut, Perbadanan boleh mewakilkan kepada Pengerusi, Pengarah Taman Negeri Selangor atau mana-mana orang lain kuasa untuk menjalankan atau melaksanakan bagi pihaknya apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diletakhakkan atau ditanggungkan oleh Enakmen ini pada atau ke atas Perbadanan yang ditentukan oleh Perbadanan kecuali kuasa untuk meminjam wang, mendapatkan pinjaman atau membuat peraturan-peraturan dan apa-apa kuasa, tugas atau fungsi yang diwakilkan sedemikian bolehlah dijalankan atau dilaksanakan oleh Pengerusi atau Pengarah Taman Negeri Selangor atau orang lain, mengikut mana yang berkenaan, atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan lain Enakmen ini, Perbadanan boleh mewakilkan kepada Pengerusi atau mana-mana ahlinya yang lain atau mana-mana orang lain kuasa untuk membenarkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor atau mana-mana wang lain yang terletakhak pada dan di bawah kawalan Perbadanan hingga had yang dinyatakan oleh Perbadanan.

**Kuasa untuk mengambil bekerja agen-agen**

**14.** Perbadanan boleh mengambil bekerja dan membayar agen-agen dan penasihat-penasihat teknik, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, juruukur atau penilai dan orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan pada melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini dengan cara yang lebih baik.

**Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**15.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, pengkhidmat atau agen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya yang demikian itu.

**Pengkhidmat awam**

**16.** Semua ahli, pegawai dan pengkhidmat Perbadanan semasa menjalankan kewajipan-kewajipan mereka sebagai ahli, pegawai dan pengkhidmat Perbadanan, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

BAHAGIAN IV

PENTADBIRAN

**Pelantikan Pengarah Taman Negeri Selangor dan lain-lain pegawai dan penjawat Perbadanan**

**17.** (1) Perbadanan boleh melantik seorang Pengarah Taman Negeri Selangor untuk menjadi Ketua Pegawai Eksekutif dan meletakhak padanya apa-apa kuasa dan mempertanggungkan atasnya apa-apa kewajipan dan fungsi yang ditentukan oleh Perbadanan dan beberapa orang pegawai dan pengkhidmat lain yang perlu mengikut apa-apa terma dan syarat bagi menjalankan maksud-maksud Enakmen ini.

(2) Jika Pengarah Taman Negeri Selangor tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup, Perbadanan boleh mengarahkan mana-mana orang lain yang layak dan wajar untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya dalam masa Pengarah Taman Negeri Selangor tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.

**Kewajipan-Kewajipan Pengarah Taman Negeri Selangor**

**18.** (1) Pengarah Taman Negeri Selangor hendaklah—

*(a)* bertanggungjawab melaksanakan keputusan-keputusan Perbadanan dan arahan-arahan Pengerusi;

*(b)* menjalankan pengawalan secara am ke atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan; dan

*(c)* melaksanakan apa-apa kewajipan lain atau apa-apa kewajipan tambahan yang ditentukan oleh Perbadanan atau Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Pengarah Taman Negeri Selangor hendaklah berhak mengambil bahagian di dalam mesyuarat-mesyuarat Perbadanan tetapi tidak mempunyai hak mengundi pada mana-mana mesyuarat Perbadanan.

**Peraturan-peraturan Berkenaan Dengan Syarat-syarat Perkhidmatan Pegawai dan Pengkhidmat**

**19.** Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

## BAHAGIAN V

## KEWANGAN

**Penubuhan Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor**

**20.** (1) Bagi maksud Enakmen ini maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu kumpulan wang yang dinamakan “Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor” yang akan ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan.

(2) Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor itu hendaklah mengandungi—

(i) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Dewan Negeri;

(ii) wang yang didapati daripada menjalankan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai dari Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor;

(iii) semua wang yang didapati oleh Perbadanan;

(iv) semua wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadai atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletakhak pada Perbadanan;

(v) wang yang dipinjam oleh Perbadanan bagi maksud menjelaskan mana-mana daripada tanggungannya atau menjalankan apa-apa tugas dan kuasanya;

(vi) apa-apa fi atau lain-lain bayaran yang ditetapkan dan dipungut oleh Perbadanan; dan

(vii) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara kena dibayar kepada, atau terletakhak pada, Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa dan kewajipannya.

**Perbelanjaan hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor**

**21.** Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

*(a)* membayar apa-apa belanja yang dilakukan oleh Perbadanan, termasuk fi dan kos ukur, guaman dan lain-lain fi dan kos, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;

*(b)* membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau dipersetujui dengan sepatutnya oleh Perbadanan pada melaksanakan kewajipannya atau menjalankan fungsinya di bawah seksyen 10;

*(c)* membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Enakmen ini dan faedah yang kena dibayar atasnya; dan

*(d)* amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bagi Enakmen ini.

**Kuasa Meminjam**

**22.** Perbadanan boleh dari semasa ke semasa meminjam, atas apa-apa kadar faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Perbadanan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menjalankan mana-mana kewajipannya.

**Pelaburan Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor**

**23.** Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor setakat mana yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Perbadanan di bawah Enakmen ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Akaun bank**

**24.** (1) Segala wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah dibayar dengan serta-merta ke dalam suatu akaun dalam mana-mana bank atau bank-bank yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Segala perintah atau cek yang ditanggungkan ke atas akaun tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang ahli atau seorang pegawai Perbadanan yang dibenarkan oleh Perbadanan.

**Akaun, rekod dan audit**

**25.** (1) Perbadanan hendaklah menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan akaun-akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod lain berkenaan dengan perjalanannya dan hendaklah menyebabkan supaya disediakan suatu penyata akaun-akaun berkenaan dengan tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun Perbadanan hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau seorang juruaudit atau juruaudit yang dilantik oleh Perbadanan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Pada akhir tiap-tiap satu tahun kewangan dan selepas sahaja akaun-akaun Perbadanan diaudit Perbadanan hendaklah menyebabkan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai penyata akaun itu atau mengenai akaun-akaun Perbadanan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri yang hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap penyata akaun dan pandangan itu dibentangkan dalam Dewan Negeri.

**Anggaran**

**26.** (1) Tahun kewangan bagi Perbadanan hendaklah bermula pada 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember tiap-tiap tahun.

(2) Perbelanjaan Perbadanan hingga sebanyak amaun yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar dari Kumpulan Wang Taman Negeri Selangor.

(3) Sebelum permulaan bulan September tiap-tiap satu tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan dengan mengandungi apa-apa butir yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, sebelum permulaan bulan November tahun tersebut, memberitahu Perbadanan amaun yang dibenarkan untuk perbelanjaan amnya atau amaun yang dibenarkan untuk perbelanjaan amnya atau amaun yang dibenarkan bagi tiap-tiap satu jenis perbelanjaan.

